

Orang Melayu jangan berpecah belah



Analisis
Muka 16

AZMI TARMIZI



Semalam, berlangsung satu program yang dinamakan sebagai Kongres Maruah Melayu di Stadium Melawati Shah Alam.

Kongres yang dihadiri kira-kira 15,000 peserta itu adalah manifestasi kesedaran dan semangat ingin melihat masyarakat Melayu bersatu dan menggilap semula kegemilangan bangsa.

Empat universiti iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta sebuah badan bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam penganjurannya.

UM mengendalikan isu politik, UiTM (ekonomi), UPSI (pendidikan) dan UPM (kebudayaan) manakala NGO menumpukan bidang agama.

Menariknya, Tun Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan kongres itu bukan atas kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri tetapi hadir sebagai ‘orang Melayu yang mahu membincangkan agenda orang Melayu di negara ini’.

Beberapa pemimpin UMNO dan Pas turut menghadiri kongres ini, antaranya Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Tan Sri Annuar Musa, Datuk Seri His-hammuddin Tun Hussein dan Tan Sri Noh Omar.

Memang sudah sampai masanya semua kepimpinan parti politik Melayu duduk bersama mendengar dan membincangkan berhubung masalah dan kemelut orang Melayu.

Tidak nampak kelibat Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana difahamkan beliau tidak diundang untuk menghadiri kongres tersebut.

Apa sebenarnya tujuan kongres? Hakikatnya kedudukan orang Melayu begitu getir dan amat mencabar hari ini. Justeru, kongres itu penting bagi mencari solusi bagaimana untuk menyelamatkan maruah Melayu daripada terus diinjak di bumi sendiri.

Sejak Kongres Melayu Pertama penuh bersejarah yang diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur menjadi kempen terhebat bangsa Melayu menentang Malayan Union pada 1 hingga 4 Mac 1946 diketuai Datuk Onn Jaafar, seruan supaya orang Melayu bersatu mempertahankan maruah bangsa, agama dan tanah air terus bergera sehingga ke hari ini ke era Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7.

Sudah tentulah isu maruah Melayu ini tanggungjawab bersama. Tetapi siapakah yang paling layak untuk mengembalikan semua maruah itu?

Jawapannya, sudah tentulah orang Melayu itu sendiri. Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, hanya Melayu yang boleh memulihkan maruah mereka sendiri tanpa mengharapkan orang lain untuk melakukannya.

Hari ini, orang Melayu hanya ada kuasa politik. Jika pemimpin Melayu sendiri tidak menguasai politik, apa yang ada lagi pada orang Melayu. Jika pemimpin Melayu tidak bangkit menangani dan memperbetulkannya, pasti ia akan terus lemah dan dikuasai kaum lain.

Walaupun orang Melayu merupakan kumpulan penduduk terbesar di negara ini iaitu 60 peratus daripada jumlah penduduk seramai 32 juta orang, perpecahan orang Melayu kepada kumpulan kecil menyebabkan mereka gagal memegang kuasa politik di negara sendiri.

Dari segi ekonomi, kegagalan orang Melayu merebut peluang yang ada

menyebabkan orang asing mengambil peluang tersebut dan memajukan diri mereka sehingga menjadi kaya di negara ini.

Dr Mahathir turut mencabar orang Melayu supaya jangan jadi bacul hingga sanggup melepaskan segala peluang ekonomi kepada pihak lain.

Walaupun ada yang berasaskan ucapan Dr Mahathir pada kali ini ‘kurang perisa’, dianggap menghina, tidak menaikkan imej dan maruah Melayu tetapi menjatuhkan semangat orang Melayu, namun kita perlu berfikiran terbuka dan menerima dengan positif.

Ini kerana inti pati kandungan dalam ucapan beliau adalah meminta semua orang Melayu bersatu dan tidak berpecah belah.

Kongres dengan tagline ‘Tanah Aku’ ini diharap dapat menyedarkan orang Melayu tentang amanah yang wajib mereka pikul untuk menjaga agama dan bangsanya. Pada masa yang sama, orang Melayu juga perlu sedar dengan ancaman masa depan di tanahair sendiri.

Seperti kata pepatah Melayu, yang pahit itu ubat. Walaupun kenyataan Dr Mahathir itu terlalu pahit untuk ditelan, kita perlu menganggapnya sebagai ubat. Memang pahit, tapi insya-ALLAH boleh menyembuhkan jika kita mengambilnya dengan dos yang betul.

Biar kita tadah telinga dan pedih hati tetapi ‘leteran’ nya itu adalah saranan yang positif dan membina dalam mengembalikan maruah Melayu yang semakin pudar.

Apa yang jelas, kongres semalam telah berjaya menghimpunkan orang Melayu daripada pelbagai latar dan mengetepikan perbezaan politik masing-masing.

*Azmi Tarmizi ialah Pengarang Kanan Sinar Harian